

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**



'Lulus segera Akta Tanggungjawab Fiskal'

Oleh [Muhammad Yusri Muzamir](#) - November 10, 2021 @ 6:17pm

yusri.muzamir@bh.com.my



Nga Kor Ming (DAP-Teluk Intan)

KUALA LUMPUR: Kerajaan digesa meluluskan segera Akta Tanggungjawab Fiskal bagi menghentikan pembaziran dan penyelewengan dana negara.

Gesaan itu dibuat Nga Kor Ming (DAP-Teluk Intan) susulan peruntukan 18 peratus atau RM43.1 bilion hasil kerajaan bagi tahun depan adalah untuk membayar hutang negara.

Selain itu, katanya, negara akan berdepan ledakan hutang dikatakan paling tinggi dalam sejarah membabitkan nilai RM1.32 bilion atau 87.6 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Tahun depan kita terpaksa membayar RM43.1 bilion (bersamaan) RM120 juta sehari dan RM5 juta sejam terpaksa dibayar untuk faedah saja, bukan modal hutang negara kita. Bayangkan adakah model dipakai kerajaan ini akan mapan lagi berterusan.

"Jika kita lihat, antara hutang terpaksa kita tanggung adalah RM32 bilion yang ditinggalkan Pekan (bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak) sejak zaman 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Kita terpaksa pikul semua ini hingga 2039. Anak cucu kita terpaksa hidup sengsara disebabkan mereka yang tamak haloba, kerakusan pemimpin tidak bertanggungjawab," katanya pada sesi perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2022 di Dewan Rakyat, hari ini.

Memetik laporan Ketua Audit Negara, Kor Ming berkata, kerajaan kehilangan hasil bernilai RM620 juta akibat salah urus tadbir.

"Apabila menteri kerajaan sibuk isu arak jenama TIMAH, soal ketirisan begitu penting sengaja dielakkan. Justeru, saya mohon jaminan kerajaan untuk memastikan tiada lagi salah urus tadbir sedemikian," katanya.

Beliau yang memetik laporan sama turut menjelaskan penyelewengan berulang setiap tahun, selain mengemukakan contoh pembayaran bernilai RM500 juta dibuat menerusi sistem uCustoms walaupun barangan ditempah tidak sampai.

Mengenai aspek pemborosan, Kor Ming yang mengambil contoh kediaman rasmi Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana di Putrajaya, mendakwa kerja baik pulih di itu adalah lima kali ganda berbanding kos asal pembinaannya pada 1997.

"Seri Perdana dibina dengan kos ketika itu RM4 juta, tetapi apabila Najib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi Perdana Menteri, kedua-duanya membelanjakan RM105 juta kononnya untuk memperbaiki kediaman itu.

"Adakah ini bukan pemborosan? Pagi ini (semalam) saya terima jawapan bertulis daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abd Latiff Ahmad. Saya tanya berapa duit dipakai untuk memperbaiki pejabat menteri dan timbalan menteri.

"Saya terkejut apabila dalam tempoh singkat, tak sampai 20 bulan, kerajaan sekarang membelanja RM4,004,176.15 bagi tujuan ini.

"Adakah pejabat itu dibina sejak zaman P Ramlee hingga kita kena buat 'overhaul' berskala besar seperti ini. Pembaziran, pemborosan sepatutnya dielakkan, khususnya ketika negara dilanda pandemik," katanya.

Berikut senarai kementerian dan jumlah kos penyelenggaraan:

Jabatan Perdana Menteri - RM1,073,580

Kementerian Perpaduan Negara - RM589,618

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna - RM425,130

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi - RM398,604.13

Kementerian Wilayah Persekutuan - RM392,202.34

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi - RM365,240

Kementerian Kewangan - RM227,375

Kementerian Sumber Manusia - RM205,191.10

Kementerian Pertahanan - RM123,864

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan - RM118,793

Kementerian Kesihatan - RM49,242

Kementerian Belia dan Sukan - RM17,225

Kementerian Komunikasi dan Multimedia - RM9,612

Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan - RM8,500